

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 7 August 1971 &gt; Page 12 &gt; Seruan Ghazali supaya gadis2 aktif dalam pembangunan ekonomi dapat sambutan baik

## Seruan Ghazali supaya gadis2 aktif dalam pembangunan ekonomi dapat sambutan baik

Berita Harian, 7 August 1971, Page 12

Article also available on Microfilm Reel NL6788

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# Seruan Ghazali supaya gadis2 aktif dalam pembangunan ekonomi dapat sambutan baik

WARTAWAN2 Melayu dan pemimpin2 pertubuhan2 budaya Singapura hari ini menyambut baik seruan Setiausaha Parlemen kepada Kementerian Pelajaran, Enche Mohd. Ghazali Ismail, supaya gadis2 Melayu mengambil bahagian yang lebih aktif dalam pembangunan ekonomi tanah ayer.

Enche Ghazali, waktu berucap dalam majlis hari ucapan Sekolah Menengah Maju petang semalam, telah menyeru gadis2 Melayu supaya jangan malu2 "untuk menyertai kegiatan2 ekonomi yang sedang mendadak di-tanah ayer, dengan bekerja dalam perusahaan2 kilang dan perusahaan hotel."

Setiausaha Agong Sriwana, Enche Nongtjik Ghani, ketika mengulas ucapan Enche Ghazali itu berkata: "Terpisah dari soal hukum agama dan berdasarkan dari segi sosial dan ekonomi saya berpendapat bahawa gadis2 Melayu yang bekerja sa-bagai pelayan2 tamu di-hotel2 tidak ada apa2 salah-nya.

"Bahkan saya berpendapat bahawa dari segi ekonomi, ada-lah lebih menguntungkan lagi gadis2 itu yang bekerja di-hotel2 jika di-bandingkan dengan mereka yang bekerja di-kilang2," kata Enche Nongtjik.

Pemimpin Sriwana itu

menyatakan faedah ekonominya lebih banyak jika gadis2 di-hotel2 itu rana "tetapi kunjong kata dari orang mat dan Enche Ghazali dalam ucapan-negor sa-nya yang menghendaki gadis2 Melayu bekerja sa-bagai pelayan2 tamu di-hotel2

### Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
7 August 1971Reel Number:  
NL6788

Share

### Table of Contents

&lt; Previous | Page 12 | Next &gt;

#### Seruan Ghazali supaya gadis2 aktif dalam pembangunan ekonomi dapat sambutan baik

Seruan Ghazali supaya gadis2 aktif dalam pembangunan ekonomi dapat sambutan baik by WARTAWAN2 Melayu


#### Lim: Siap diri hadapi chabaran abad ke-21

Lim: Siap diri hadapi chabaran abad ke-21 SINGAPURA, Jum MENTERI Pelajaran, Enche Lim Kim

#### 7 chedera parah


7 chedera parah SINGAPURA, Juma'at. "JUJUH orang telah chedera parah dalam 70 kumpulan idan sa-nya

[View Full Table of Contents](#)



menyatakan bahwa faedah ekonomi dan sosialnya lebih besar lagi jika gadis2 itu bekerja di-hotel2 kelas satu kerana "tetamu2 yang berkunjung ka-sana ada-lah dari orang2 yang terhormat dan mulia."


Enche Ghazali dalam ucapan-nya Telah menegor sa-tengah2 orang yang mengatakan bahawa gsis2 Melayu tidak sa-gadis harus - nya bekerja sa-bagai pelayan2 tamu di-hotel2 di-Repablik ini.



"Bagi saya, gadis2 yang bekerja sa-bagai pelayan tamu itu pada hakikat-nya bukan sahaja menyertai dalam satu jenis pekerjaan yang menjadi sumbangan ka-pada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara, bahkan juga telah melakukan-nya untuk menchari nafkah sa-chara halal dan dengan chara yang terhormat dan mulia di-sisi masharakat," kata-nya.

## Hakikat


Setiausaha Agong Persatuan Bawean Singapura, Enche Ahmad Dawan, yang ikut mengulas kenyataan Setiausaha Parlemen itu, berkata: "Di-negara2 Islam sa-perti Mesir, Tunisia Maghribi, Pakistan dan Iran, gadis2 Islam tidak di-chegah untuk bekerja sa-bagai pelayan2 tamu hotel2 di-sana."



Pemimpin2 di-negara2 Islam itu tahu bahawa pekerjaan2 itu pada hakikat-nya ada-lah sumbangan untuk memperkukoh kegiatan ekonomi negara.

Penerbit Eksekutif Talivishen Singapura, yang juga terkenal sa-bagai sa-orang tokoh derama Melayu yang terkemuka, Enche Zain Mahmud, ketika mengulas seruan

Enche Ghazali itu berkata:



"Terlepas dari soal2 ugama, tetapi di-pandang dari segi logik, pendapat saya ia-lah soal haram itu berbangkit dari soal 'mabok atau hilang akal'. Memegang dulang minuman keras dengan tidak meminum-nya tidak menyebabkan sa-saorang itu mabok atau hilang akal.

Kalau kita hendak memandang sa-suatu dari segi ketidak langso-

ngan mengenai soal haram atau pun halal, maka buah anggor juga bo-

leh di-anggap sa-bagai haram kerana buah anggor ada-lah bahan arak.

"Kalau di-pandang soal haram dari soal tidak langsung-nya bagaimana pun soal pemindahan darah daripada sa-orang manusia kepada sa-orang manusia yang lain apabila darah itu datang-nya dari orang yang minum arak atau makan bahan2 yang haram."

Enche Zain menyatakan bahawa soal2 sa-umpama itu perlu di-binchangkan oleh ahli2 u-gama yang berkelayakan, terutama mereka yang lulus dari Universiti2 Islam yang memang tahu soal2 u-gama sa-chara mendalam.

## Chorak

Nobelis Melayu, Enche Hamzah Hussein, telah menyatakan juga sokongan-nya sa-ratus peratus kepada seruan Enche Ghazali itu.

Enche Hamzah, yang juga menjadi Pengeluar Bersekutu Studio Cathay Keris berkata: "Apa yang di-katakan oleh Setiausaha Parlemen itu adalah benar. Kita harus tahu memisahkan antara soal2 yang berchorak u-gama dengan soal2 yang berchorak kemajuan sains dan teknologi ataupun pertumbuhan ekonomi dan sosial.

"Gadis Melayu perlu mengambil bahagian dalam apa juga perkembangan ekonomi di-Singa-

pura. Jika tidak masyarakat Melayu akan tertinggal dalam kegiatan2 ekonomi negara yang semakin pesat perkembangan-nya itu.

"Pekerjaan sa-bagai pelayan2 tamu ada-lah pekerjaan yang terhormat. Saya sendiri perriah ka-hotel2 kelas satu di-tanah ayer kita, dan saya dapati gadis2 itu sangat bertingkah laku mulia dan penoh hormat."

Setiausaha Agong PERSES, Enche Salleh Ahmad, berkata: "Jika ma h u di-kira tiap2 sa-suatu dari segi u g a m a, peraduan2 ratu yang di-adakan oleh pertubohan2 Melayu ada-lah haram juga.

## Champor

"Oleh itu ada baik-nya jika tidak ada tokoh2 yang chuba menchampor adokan soal2 u-gama dengan perkara2 yang

sa-harus-nya di-pandang sa-mata2 dari segi kemajuan sosial dan ekonomi.”

Che Haliza Mohd. Som, Pemangku Yang di-Per-tua Wartawan Melayu Singapura, ada-lah antara beberapa orang pemimpin2 wanita yang menyokong seruan Enche Ghazali itu.

“Saya menyokong gadis2 Melayu yang bekerja dalam perusahaan2 hotel dan saya tidak fikir pekerjaan itu boleh dipandang kurang baik di sisi masyarakat. Negara kita sedang maju dalam pembangunan ekonomi dan yang demikian sertiap ra'ayat perlu-lah sama2 membuat sumbangan ka-arrah kejayaan itu.


### Mampu

“Penyertaan gadis2 Melayu dalam perusahaan2 hotel, sama ada sebagai pelayan tamu atau pun sa-bagai pekerja2 lain dalam hotel, adalah satu sumbangan yang mampu mereka lakukan untuk pembangunan dan pertumbuhan ekonomi.”

**Gadis2 Islam tidak di-chegah kerja pelayan tamu hotel —Ahmad**

SINGAPURA, Juma'at






ENCHE ZAIN



ENCHE GHAZALI



ENCHE AHMAD



### Related Articles



**Ghazali: Gadis2 usah segan sertai kegiatan ekonomi**

*Berita Harian 6 August 1971*

Ghazali: Gadis2 usah segan sertai kegiatan ekonomi SINGAPURA, Selasa J...

**Gadis2 patut kerja di-hotel: Ghazali jawab ulasan di-'Mimbar'**

*Berita Harian 24 August 1971*

Gadis2 patut kerja di-hotel: Ghazali jawab ulasan di-'Mimbar' SINGAPUR...

**Ada-kah kerja jadi pelayan di-hotel sa-takat layan saja?**

*Berita Harian 16 August 1971*

Ada-kah kerja jadi pelayan di-hotel sa-takat layan saja? CETIAUSAHA Pa...

